

04/04/1997

MSC boleh ubah seluruh dunia

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan saja akan mengubah masyarakat negara ini, malah seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, pewujudan MSC itu akan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan perlu diterima semua pihak dalam menghadapi zaman teknologi ini.

"Sama ada kita mempunyai MSC atau tidak, kita tidak dapat elak daripada kesan dan impak daripada multimedia dan era teknologi maklumat," katanya ketika menjawab soalan wartawan asing yang ingin tahu sama ada MSC akan mengubah masyarakat Malaysia dan apakah ia akan berjaya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas lawatan sehari ke Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang ditukar kepada Universiti Putra Malaysia sempena lawatannya itu.

Perdana Menteri yang yakin dengan kejayaan bakal ditempa MSC, berkata Malaysia mampu menukar sebarang perkembangan yang tidak diinginkan hasil daripada MSC atau teknologi maklumat jika teknologi itu benar-benar difahami.

Dr Mahathir berkata, setakat ini MSC menarik banyak minat dari serata dunia dengan mereka yang ingin menyertainya membabitkan pengusaha utama dalam industri IT dan multimedia.

Dalam perkara berkaitan, Perdana Menteri berkata kerajaan elektronik yang meliputi pelaksanaan pasport elektronik akan menjadi kenyataan dalam masa satu hingga dua tahun ini.

Terdahulu, ketika berdialog dengan pelajar dan pensyarah UPM, Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa berhati-hati dalam membuat analisa bagi mengatasi masalah sosial supaya langkah mengatasinya dapat dilakukan dengan berkesan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu tergesa-gesa untuk mengeluarkan sesuatu cadangan bagi mengatasi masalah itu kerana bimbang akan turut memberi kesan kepada mereka yang tidak terbabit dengan gejala itu.

(END)